

24 MAY 2003

Mahathir-Semangat (Bergambar)

"SEMANGAT BARU" BOLEHKAN RAKYAT MALAYSIA CIPTA KEJAYAAN

KUALA PERLIS, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata "semangat baru" yang dimiliki rakyat negara ini membolehkan kejayaan demi kejayaan dicipta dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata satu ketika dahulu, rakyat Malaysia menganggap apa yang dilakukan mereka adalah berkurangan berbanding orang lain tetapi keadaan itu amat berbeza sekarang.

"Ini semangat baru yang kita dapati di kalangan rakyat Malaysia," katanya merujuk kepada kejayaan pelayar negara Datuk Azhar Mansor yang mengelilingi dunia secara solo dengan kapal layar dan kejayaan rakyat Malaysia melakukan penerjunan dengan paracut di Kutub Utara.

Beliau berkata demikian pada majlis pelepasan Cabaran Renang Kuala Perlis-Langkawi oleh perenang maraton negara Abdul Malik Mydin di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini.

Perdana Menteri melakukan upacara itu tepat 9.41 malam dengan membunyikan hon diikuti tembakan bunga api ke udara.

Turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid serta kira-kira 10,000 penduduk tempatan.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia sekarang boleh melakukan sesuatu yang pernah dilakukan oleh orang lain malah melebihi keupayaan mereka.

Perdana Menteri berkata semangat itu akan menjamin kejayaan Malaysia pada masa depan berdasarkan slogan "Malaysia Boleh" dan rakyat harus yakin dengan diri sendiri bahawa mereka boleh melakukan apa sahaja yang dikehendaki.

"Jika dari awal lagi tidak percayakan kebolehan kita, maka sudah tentulah tidak dapat capai kejayaan dan kita tidak akan mencuba sesuatu yang kita anggap tidak dapat lakukan," kata beliau.

Beliau berkata rakyat Malaysia mesti mempunyai disiplin tinggi selain mampu mengawal diri dan nafsu untuk memastikan pencapaian kejayaan.

Menyentuh percubaan Abdul Malik yang berenang sejauh 48 kilometer itu, Dr Mahathir meminta seluruh rakyat Malaysia berdoa untuk kejayaan dan keselamatan perenang berusia 28 tahun itu.

"Saya percaya semangat Malik cukup kuat dan mendoakan dia berjaya dalam usahanya itu. Ini harapan rakyat Malaysia untuk melihat Malik capai kejayaan berenang ke Langkawi.

"Saya yakin kerana Malik masih muda dan telah berlatih selama tiga tahun. Saya harap akan berada di Langkawi untuk sambut ketibaan Malik," kata Perdana Menteri yang juga Penaung Program Cabaran Selat Inggeris 2003.

Abdul Malik, anak kelahiran Pulau Pinang, akan cuba berenang dengan menggunakan sangkar bagi mengelak ancaman obor-obor ke Langkawi dalam masa kurang 20 jam.

Percubaan itu merupakan latihan terakhirnya sebelum berenang merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer pada Julai atau Ogos ini.

-- BERNAMA

MAN AD MNH NAK